

14/05/2000

Umno harus kekal berkuasa

MATLAMAT utama kerajaan kini ialah untuk memastikan Umno menerajui usaha ke arah menempatkan negara ke landasan mencapai sasaran Wawasan 2020, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, untuk memenuhi sasaran berkenaan, Umno harus kekal berkuasa dan memimpin negara.

"Kita ada sasaran dan rancangan yang positif dan untuk melaksanakannya, kita perlu memiliki sebuah parti politik yang memahami kedudukannya, apa yang perlu dilakukan dan bagaimana melaksanakannya.

"Jadi itulah tugas saya sekarang ... menggerakkan parti memahami peranannya ke arah mencapai Wawasan 2020," katanya pada sidang akhbar pada akhir perhimpunan.

(END)